

# Mahathir minta wartawan jangan mengkritik cara melulu

10  
KUALA LUMPUR 23 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta para wartawan jangan mengkritik secara melulu tetapi hendaklah mencari penyelesaian positif yang boleh membantu kerajaan membina sebuah negara lebih kukuh dan masyarakatnya aman, damai dan bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata: 'Mengkritik secara melulu adalah satu kerja yang mudah tetapi mencari jalan penyelesaian memerlukan sifat - sifat yang bertanggungjawab rajin dan mempunyai daya pemikiran yang tajam dan bernas.'

Berucap merasmikan makan malam polis — sebaran am di sini malam ini, beliau mengulangi sebuah negara yang membangun di mana masyarakatnya pula adalah berbilang kaum, memerlukan suasana yang aman dan sejahtera untuk pembangunan negara.

"Rentak pembangunan negara kita adalah juga bergantung kepada sikap dan kekuatan mental dan fizikal setiap golongan rakyat untuk menghadapi cabaran - cabaran masaknya dan di masa hadapan.

"Unsur - unsur negatif yang boleh menghalang perpaduan dan pembangunan hendaklah dikikis dan dijauhi," ujarnya.

Perdana Menteri yakin media massa yang bertanggungjawab dan cintakan

masyarakat dan negara dan akan berusaha memupuk nilai - nilai yang murni di kalangan pembaca dan pendengar sebagai sumbangan mereka untuk memajukan negara.

Dalam hubungan ini, beliau menekankan perlunya wujud perhubungan yang erat antara media massa dan polis serta kakitangan kerajaan yang lain untuk memastikan masyarakat aman damai dan program - program pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Menyentuh mengenai polis, Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat oleh kerana sebahagian besar daripada tugas - tugas polis menguatkuasakan undang - undang, maka tindakan - tindakan anggotanya adalah terdedah kepada penafsiran dan kritikan daripada media massa.

"Media massa hendaklah memperlihatkan fakta - fakta yang benar, tepat dan adil serta penganalisaan yang kritikal tetapi konstruktif mengenai isu yang dihadapi.

"Media massa janganlah menyalahkan pasukan polis keseluruhannya atas perbuatan segelintir anggota - anggota polis yang ingkar atau tidak beretika," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri.

LIHAT MUKA 7

## Tak mahu wartawan kritik melulu

Beliau percaya pasukan polis sentiasa bersedia menerima kritikan demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya sekiranya media massa dapat menyalurkan cara - cara yang baik untuk mengatasi sesuatu masalah.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan usaha - usaha media massa untuk menerbitkan sesuatu berita mengikut selera atau sudut pandangan mereka boleh membantu atau menggagalkan usaha - usaha pihak polis.

"Media massa boleh meningkatkan kegelisahan orang ramai terhadap kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara, media

massa juga boleh meningkatkan suasana penjenayahan."

"Namun demikian, usaha - usaha pihak media massa juga berupaya untuk membongkar kegiatan jenayah dan mengenalpasti jenayah - jenayah, melindungi orang ramai daripada mereka yang korup dan mendorong orang ramai melibatkan diri dalam kegiatan pencegahan jenayah dan lain - lain aktiviti untuk menegakkan kedaulatan negara.

Pendeknya, media massa boleh membentuk persepsi orang ramai terhadap pasukan polis menerusi tulisan atau persembahan mereka.